



**MAJLIS PERJUMPAAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN
AWAM BERSAMA-SAMA
PEGAWAI PENGURUSAN TERTINGGI
PERKHIDMATAN AWAM
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**AMANAT
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN
AWAM**

**TARIKH : 25 JULAI 2024 (KHAMIS
TEMPAT : DEWAN MEZZANINE, JPA
MASA : 2.30 PETANG**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saya ucapkan kepada pengacara majlis dan pembaca doa.

SALUTASI

Yang Berbahagia Datuk Dr. Aneese bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

Yang Berbahagia Dato' Badurunhisam bin Mohd Nor

Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam

Seterusnya Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan-puan yang saya hormati sekalian.

UCAPAN ALUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Perjumpaan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bersama-sama Pegawai Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam** pada petang ini. Terima kasih saya ucapkan di atas komitmen dan kehadiran YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam menjayakan majlis ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada seramai **108 orang Pegawai Pengurusan Tertinggi** yang kita raikan pada hari ini.
3. Dalam kesempatan ini, saya ingin menyampaikan beberapa amanat penting berkaitan agenda dan matlamat negara pada masa ini. Seterusnya, tugas dan tanggungjawab kita sebagai Pegawai Awam dalam merealisasikan segala hasrat dan aspirasi Kerajaan.

KOMITMEN KERAJAAN DAN CABARAN PERKHIDMATAN AWAM DALAM MENJAYAKAN AGENDA NASIONAL

YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

4. Sepertimana kita semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah menggagas **Malaysia MADANI** sebagai suatu hala tuju baharu negara. Dasar ini terdiri daripada enam (6) rukun, yang sudah tentu bermatlamat untuk meningkatkan darjat hidup dan kesejahteraan rakyat.

5. Sebagai merealisasikan dasar ini, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara telah memperkenalkan "**The G.R.E.A.T Civil Service**". Aspirasi ini berperanan sebagai suatu mekanisme bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan awam, yang berfokus kepada aspek pengukuhan organisasi dari segi ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti.
6. Sungguhpun begitu, peredaran arus zaman menghadirkan cabaran dan kekangan bagi menjayakan agenda nasional ini. Sebanyak **tujuh (7) cabaran utama** telah dikenal pasti, yang mana saya kelompokkan kepada **empat (4) kategori** bagi memudahkan kefahaman kita bersama.
7. Kategori pertama adalah **bakat dan modal insan**, yang melibatkan **dua (2) cabaran utama**. Yang pertama, **modal insan yang kurang kompeten** sehingga menyebabkan organisasi tidak berupaya untuk memenuhi kehendak pelanggan dan keperluan semasa. Kedua, cabaran dalam **menarik dan mengekalkan bakat terbaik** dalam organisasi.
8. Kategori kedua adalah **fungsi dan sistem penyampaian perkhidmatan**, yang melibatkan **tiga (3) cabaran utama**. Pertama, **jurang antara kementerian dan jabatan** yang bekerja secara silo dan tiada penyelarasan. Kedua, **organisasi yang tidak kejut** menyebabkan berlaku pertindihan fungsi dan tugas. Dan yang ketiga, sistem penyampaian perkhidmatan awam masih dibayangi kaedah **konvensional** kerana inisiatif pendigitalan penyampaian perkhidmatan masih belum dilaksanakan secara menyeluruh.

9. Manakala, kategori ketiga pula melibatkan **aspek integriti**. Meskipun kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menokok daripada tangga ke-61 pada 2022 kepada tangga ke-57 pada 2023, tidak bermakna kita sudah boleh berpuas hati. Masih sering kedengaran isu-isu **perlanggaran integriti dan akauntabiliti** berlaku di sana sini, yang mendapat sorotan dan hebahan media massa.

10. Manakala, kategori keempat adalah **isu kecekapan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi**. Sepertimana amanat saya semasa Perhimpunan Bulanan JPA baru-baru ini, Perkhidmatan Awam memerlukan suatu anjakan paradigma untuk berubah kepada “**pekerja digital**” melalui penerapan “**minda digital**” di kalangan anggotanya.

H.E.M.A.T. SEBAGAI ASPIRASI BAHARU PERKHIDMATAN AWAM

Sidang hadirin yang saya kasihi sekalian,

11. Saya amat yakin, tentunya anda semua maklum akan **pegangan nilai-nilai baharu bagi Pegawai Awam iaitu H.E.M.A.T.** yang diperkenalkan pada Februari lalu. Nilai-nilai ini terdiri daripada **Hijrah Tata Kelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran.**

12. Rasanya, tidak perlu lagi untuk saya memperincikan satu persatu setiap nilai tersebut. Apa yang lebih penting, falsafah ini perlu dihayati bukan sekadar maknanya sahaja, tetapi melangkaui cakupan yang lebih jauh lagi. Pegangan nilai ini bukanlah suatu retorik, tetapi merupakan suatu usaha kita untuk memperkukuhkan kembali ketahanan dan jati diri para Pegawai Awam dalam menterjemahkan hasrat Kerajaan.
13. Pada saya, H.E.M.A.T. ini dapat dipraktikkan pada setiap peringkat iaitu individu, organisasi dan Perkhidmatan Awam. Saya ingin mengambil satu contoh iaitu nilai **Hijrah Tata Kelola**. Segala aktiviti dalam **kehidupan seharian** kita seharusnya dijalankan mengikut **turutan ketertiban**. Bagi organisasi pula, sebagai **pemimpin** kita sepatutnya bertanggungjawab untuk **merencanakan sebarang perubahan**. Manakala, sebagai **pekerja** kita seharusnya “berlapang dada” **menerima sebarang perubahan** baharu.
14. Seterusnya, aspek yang lebih besar dalam perkhidmatan melibatkan **perubahan tata kelola, cara kerja, prosedur dan peraturan**. Kesyukuran semangat perubahan ke atas sesuatu yang baharu ini perlu dipupuk dari sekecil-kecil peranan, dan dikembangkan dalam skop dan skala yang lebih besar. Begitulah juga dengan nilai-nilai lain yang anda dapat lihat di skrin.
15. Saya juga amat yakin, pegangan nilai H.E.M.A.T. ini perlu disulam dengan tiga (3) prinsip iaitu **Memudahkan (Facilitate)**, **Menyesuaikan (Accommodate)** dan **Menyegerakan (Accelerate)**. Kesemua prinsip ini

berperanan untuk melicinkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh dan rakyat.

16. Saya faham, untuk berubah kepada sesuatu yang lebih baik pastinya perlu menongkah cabaran. Seperti kata-kata *Michael Hammer* seorang professor sains komputer yang juga pencipta istilah *re-engineering* iaitu **“To succeed at reengineering, you have to be a missionary, a motivator, and a leg breaker.”**
17. Di sinilah, tekad **merekayasa semula penyampaian perkhidmatan dan cara kerja** perlu kita fikir dan ambil tindakan. Sebagai contoh, JPJ yang **memudahkan** urusan memperbaharui lesen memandu melalui kios sahaja, tidak perlu beratur di kaunter-kaunter perkhidmatan seperti biasa. **Menyesuaikan** proses dengan trend teknologi terkini, urusan tersebut boleh dibuat atas talian, bahkan **menyegerakan** dengan memaparkan lesen memandu pada aplikasi JPJ yang boleh dilayari dengan telefon pintar.
18. Apa pun demikian, kita tidak boleh mengabaikan aspek integriti dan akauntabiliti. Segala pelaksanaan tugas kita seharusnya **berpegang teguh kepada peraturan, ketetapan dan prosedur** yang berkuat kuasa.

TATA KELOLA, RASUAH DAN INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menarik perhatian anda semua kepada **Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)** yang dikeluarkan baru-baru ini. Antara penemuan laporan ini menyatakan bahawa terdapatnya kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti, projek, dan program Kerajaan yang berpunca daripada pelbagai faktor.
20. Hal ini termasuklah **kurangnya pemantauan oleh pihak berkaitan, ketiadaan penyelarasan antara agensi, ketiadaan pangkalan data yang lengkap dan kelemahan dalam prosedur kerja.**
21. Saya sangat berharap agar kita semua dapat mengambil iktibar daripada penemuan laporan ini, dan berupaya memandu kita untuk melaksanakan tugas dengan lebih cermat, amanah dan bertanggungjawab. Hal ini turut mendapat perhatian YAB Perdana Menteri, yang mana beberapa siri ucapan beliau menekankan akan **kepentingan menjaga tata kelola baik, menghindarkan amalan rasuah dan mengekang ketirisan** dana awam.
22. Malah, keseriusan hal ini mendorong YAB Perdana Menteri untuk menegaskan bahawa **tiadanya kenaikan pangkat bagi Ketua Jabatan** sekiranya wujud **salah laku dan amalan rasuah Pegawai Awam di bawah seliaannya** yang tidak dilaporkan.
23. Oleh itu, sebagai Ketua Jabatan dan Pengurusan Tertinggi organisasi, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa **peka terhadap isu tata kelola, rasuah dan integriti.** Kita perlu memastikan **penguatkuasaan**

undang-undang yang berkesan, **berani bertindak** serta memikul **amanah** dengan cekap.

24. Kita juga seharusnya menjadi mata dan telinga Kerajaan. Kita perlu **mengenal pasti masalah** yang dihadapi oleh rakyat dan pelanggan, **merumuskan cadangan penyelesaian** terbaik kepada Kerajaan, dan **melaksanakan dasar-dasar serta keputusan Kerajaan dengan teliti**. Dengan melakukan ini, kita dapat memastikan keperluan rakyat dipenuhi supaya hasilnya dapat dinikmati dan dirasakan mereka.

PENUTUP

YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

25. Seperti yang telah saya sebutkan di awal ucapan tadi, pada majlis petang ini kita bersama-sama meraikan **Pegawai Pengurusan Tertinggi** yang akan menerima **surat pengesahan kenaikan pangkat dan surat penempatan**. Tahniah kepada anda semua atas pencapaian yang cemerlang ini.
26. Saya berdoa agar YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan terus komited dalam menyumbangkan **khidmat bakti**, serta memikul amanah dengan **telus dan berintegriti**.
27. Akhir kata, semoga pengiktirafan ini menjadi dorongan dan motivasi kepada YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan melebihi ekspektasi pada masa depan.

28. Semoga pengesahan kenaikan pangkat dan penempatan ini berupaya menjadi azimat penting kepada anda semua untuk terus membulatkan iltizam dan berganding bahu bagi menjayakan aspirasi Malaysia MADANI, melalui mekanisme "*The G.R.E.A.T. Civil Service*" dan penerapan nilai-nilai H.E.M.A.T dalam perkhidmatan.

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- TAMAT -
(1,315 patah perkataan)